BULETIN UNITI

SIRI 2 & 3 MEI - NOVEMBER 2024

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2024

IMBAS DI SINI

MALAYSIA MADANI

Kembara PERPADUAN

"Perpaduan Dalam Kepelbagaian"

SEKAPUR SIREH

السلام عليكم

Assalamualaikum W.B.T, Salam Perpaduan &
Salam Malaysia MADANI

Alhamdulillah, Syukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya penerbitan Buletin Uniti Berjaya diteruskan dengan siri kedua tahun 2024. Semoga laporan aktiviti yang dimuatkan di dalam Buletin ini berfungsi sebagai input yang berguna kepada pembaca tentang perkhidmatan dan peranan Kementerian Perpaduan Negara. Adalah menjadi harapan saya agar semua warga KPN dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan cemerlang agar ia dapat mengekalkan dan meningkatkan prestasi kerja.

Kita perlu bekerja secara inovatif dalam usaha menghasilkan produktiviti berkualiti tinggi berbanding sebelum ini bagi memastikan nama KPN sentiasa baik dan positif di mata masyarakat dan juga pemegang taruh. Sebuah organisasi tidak seharusnya berpuas hati terhadap apa yang telah dicapai, namun akan ada ruang yang boleh dibuat penambahbaikan untuk terus cemerlang dan gemilang.

Buletin ini juga menjadi tanda aras dalam meneruskan kecemerlangan dalam melaksanakan program dan aktiviti Kementerian dan Jabatan agar ia terus releven di mata rakyat Malaysia. Saya amat bangga dengan pelbagai program di peringkat nasional dan KPN sendiri yang mengekalkan semangat perpaduan dan harmoni untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

Semoga Kementerian Perpaduan Negara terus komited untuk memupuk semangat kebersamaan dan perpaduan di semua peringkat lapisan masyarakat. Melalui usaha ini, kita dapat membangunkan negara yang lebih kukuh dan harmoni di mana setiap rakyat dihargai dan dihormati dalam mencapai matlamat Malaysia MADANI yang telah diangkat sebagai falsafah pentadbiran negara kita. Sesungguhnya, detik-detik perpaduan sentiasa berlaku disekeliling kita dan ini perlu terus kita perteguhkan.

Semoga kita bertemu lagi di dalam Buletin Uniti yang akan datang.

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT:

Mutia Azura binti Mohamed

KETUA PENGARANG:

Nor Suzaman bin Abdul Rahman

KETUA PENYELARAS:

Nur Emieliana binti Ishak

PENYELARAS:

Azram Feerdaus bin Zainal Abidin

JURUFOTO:

Mohd Zuhairi bin Mohamad Khir

Mohammad Nur Ikmal bin Usman

Sidang redaksi Buletin Uniti Siri 2 & 3 merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan tertinggi KPN dan semua bahagian di KPN yang menjayakan penerbitan Buletin Uniti Siri 2 & 3.

Bagi sebarang makluman dan pertanyaan sila hubungi:
Sidang Redaksi Buletin Uniti KPN 2024.
Unit Komunikasi Korporat,
Aras 5-10, Blok F9, Parcel F,
Lebuh Perdana Timur,
Presint 1, 62000 Putrajaya, MALAYSIA.
Tel: 03-8091 8000

ISI KANDUNGAN

02 HIGHLIGHT
Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan

10 HIGHLIGHT
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023 (APC)

17
Bengkel Pemurnian Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2025-2030

20 HIGHLIGHT
Sambutan Hari Kebangsaan 2024

27 HIGHLIGHT
Majlis *Kick-Off* Program Liga Sukan UNITI Tahun 2024

35 HIGHLIGHT
Liga Sukan UNITI

44
Program Hari Digital Perpaduan Tahun 2024

46
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

50
Arkib Negara Malaysia

58
Muzium Malaysia

65
Perpustakaan Negara Malaysia

70
Yayasan Sukarelawan Siswa

BULETIN UNITI
SIRI 2 & 3 MEI - NOVEMBER 2024

Majlis Pembukaan Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan

23 Mei 2024, Johor - YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara telah merasmikan Majlis Pembukaan Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan bertempat di pekarangan Perkampungan Rumah Panjang dan Orang Asli, Padang Begonia, Angsana Johor Bahru Mall.

Sesi *Walkabout*, Penyampaian Sijil Penghargaan Pempamer Pameran Rumah KAMI dan Plak Penghargaan kepada peniaga *Food Unites*

24 Mei 2024, Johor - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara turun padang bagi sesi walkabout, penyampaian sijil penghargaan pempamer Pameran Rumah KAMI dan Plak Penghargaan kepada peniaga *Food Unites* sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan.

Turut hadir, YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara, Pengurusan Tertinggi KPN, Jabatan dan Agensi.

Program Wacana Kelestarian Keselamatan Perpaduan dan Keharmonian Negara

24 Mei 2024, Johor - Sekitar Program Wacana Kelestarian Keselamatan Perpaduan dan Keharmonian Negara sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan. Turut hadir, YBrs. Encik Mohamad Sobri Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Pengurusan Tertinggi Kementerian, Jabatan dan Agensi.

Pengiktirafan *Malaysia Book of Records*

24 Mei 2024, Johor - Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan melakar sejarah tersendiri apabila menerima pengiktirafan *Malaysia Book of Records* melalui penyertaan peserta paling ramai dalam aktiviti makan kacang pool. Ia menandakan komitmen dalam menghargai dan memelihara keunikan adat budaya warisan setiap kaum sebagai aset negara yang memperkukuhkan identiti serta kesatuan masyarakat Malaysia.

Larian Kembara Perpaduan

25 Mei 2024, Johor - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan pelepasan larian Kembara Perpaduan yang merupakan salah satu aktiviti sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan.

Tujuan penganjuran ini adalah untuk menyemarakkan semangat kekitaan dalam kalangan rakyat Malaysia. Sukan merupakan satu platform perpaduan yang terbaik di mana peserta-peserta yang terlibat mengenepikan segala perbezaan dan berkumpul dengan satu matlamat yang sama. Larian Kembara Perpaduan di Johor Bahru pada kali ini telah menerima sambutan hangat dengan rekod penyertaan seramai 7,000 orang peserta.

Walkabout Menteri Perpaduan Negara ke Pameran Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan

25 Mei 2024, Johor - Sesi *Walkabout* sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang ke ruang E-Sports, Pameran Reruai Kerajaan, Pameran Malaysia Bertuah Negara Berdaulat serta Penyampaian Sijil Penghargaan kepada para usahawan KRT. Turut hadir, YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara serta barisan pengurusan tertinggi KPN.

Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan

25 Mei 2024, Johor - Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan secara rasminya telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri. Sambutan yang diraikan dengan tema "Perpaduan Dalam Kepelbagaian" ini bertujuan untuk menyemarakkan lagi semangat perpaduan serta menyebarluaskan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap kepelbagaian adat dan budaya di Malaysia.

Sambutan Minggu Perpaduan merupakan satu inisiatif yang menyokong kepada aspirasi Malaysia MADANI oleh KPN dengan mewujudkan Kerangka Membangun Malaysia MADANI. Kerangka tersebut dibangunkan menerusi konsep perpaduan dalam kepelbagaian bagi menyusun agenda perpaduan berpandukan Dasar Perpaduan Negara.

Majlis Makan Malam Kerajaan Negeri Johor

26 Mei 2024, Johor - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menghadiri Majlis Makan Malam Kerajaan Negeri Johor di Dewan Utama Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar, Yayasan Warisan Johor. Turut hadir, YB Tn. Raven Kumar Krishnasamy, Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya Negeri Johor, YB Tuan Ling Tian Soon Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, YB Datuk Hj Rizam bin Ismail EXCO Kemajuan Desa Dan Perpaduan Negeri Selangor, YB Tn. Papparaidu Veraman EXCO Kerajaan Negeri Selangor merangkap Pengerusi Jawatankuasa Khas Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh, Dan Tao Negeri Selangor (LIMAS) dan ahli-ahli MexUnity.

Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Terengganu

4 Mei 2024, Terengganu - Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Terengganu yang telah disempurnakan oleh YB Ustaz Haji Maliaman bin Kassim, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Perpaduan Nasional Negeri Terengganu. Pelbagai pengisian menarik telah diadakan yang mengetengahkan persembahan beridentitikan negeri Terengganu dan kepelbagaian kaum antaranya tarian tradisional dan kontemporari termasuklah tarian zapin Terengganu.

Program MADANI Rakyat 2024 Zon Utara

5 Mei 2024, Pulau Pinang - Program MADANI Rakyat 2024 Zon Utara yang berlangsung selama 3 hari telah dihadiri oleh pelbagai lapisan masyarakat bagi mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi kerajaan. YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha KPN telah mengunjungi reruai KPN dan menyantuni para pertugas daripada Jabatan dan Agensi serta beberapa reruai Kementerian lain selepas menghadiri Majlis Perasmian Penutupan Program MADANI Rakyat Zon Utara yang telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Kunjungan Hormat kepada Menteri Perpaduan Negara daripada Duta Besar Republik Uzbekistan ke Malaysia

10 Mei 2024, Putrajaya - Kunjungan hormat kepada YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara daripada TYT Dr. Karomidin Gadoev, Duta Besar Republik Uzbekistan ke Malaysia.

Majlis Perasmian Karnival Ekonomi Rukun Tetangga

11 Mei 2024, Pulau Pinang - Karnival yang bermula pada 9 hingga 12 Mei 2024 ini merupakan salah satu inisiatif di bawah bidang tumpuan Ekonomi dan Sara Hidup dalam lapan bidang tumpuan Pelan Tindakan Pemerkasaan RT Sebagai Penggerak Komuniti Progresif untuk memperkasakan ekonomi dan kesejahteraan hidup komuniti Rukun Tetangga. Sebanyak 4 buah negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, dan Perak telah turut sama dalam menjayakan karnival ini.

Majlis Ramah Tamah Uniti Kaamatan dan Gawai

11 Mei 2024, Pulau Pinang - Majlis Ramah Tamah Uniti Kaamatan dan Gawai sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Pulau Pinang telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Hj. Abdul Razak, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang. Program ini menyediakan ruang yang penting untuk memperkenalkan budaya, etnik, kepelbagaian adat resam, dan keunikan dari Sarawak dan Sabah kepada penduduk Pulau Pinang.

Program yang dianjurkan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agensinya, serta jabatan dan agensi Persekutuan ini melibatkan 27,000 orang terdiri daripada Jentera Perpaduan Pulau Pinang, Badan Bukan Kerajaan (NGO) Sabah & Sarawak – Anak Borneo Semenanjung (ABS) serta Kadazan-Dusun Cultural Association (KDCA).

Slot Assalamualaikum TV Al-Hijrah bersama Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

13 Mei 2024, Kuala Lumpur - YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah berkongsikan mengenai Sambutan Minggu Perpaduan 2024 di Slot Assalamualaikum TV Al-Hijrah.

Sesi Lawatan Sambil Belajar Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pending

13 Mei 2024, Putrajaya - Sesi taklimat korporat Kementerian Perpaduan Negara telah disampaikan oleh YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pending sempena sesi lawatan sambil belajar ke Kementerian Perpaduan Negara.

Sesi Temubual Selamat Pagi Malaysia (SPM) bersama Setiausaha Bahagian Pembangunan Masyarakat

14 Mei, Kuala Lumpur - Sekitar Temubual Selamat Pagi Malaysia (SPM) Bersama YBrs. Encik Zaimy Shaari Setiausaha Bahagian Pembangunan Masyarakat, Kementerian Perpaduan Negara ketika di slot temubual Selamat Pagi Malaysia (SPM) mengenai "Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan" yang berlangsung pada 23 hingga 26 Mei 2024 di Padang Akasia & Begonia, Angsana Mall Johor Bahru.

Sesi Temubual Klasik FM bersama Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)

17 Mei 2024, Selangor - Sekitar sesi temubual bersama YBrs. Puan Norihan binti Mohamed Naim, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Kementerian Perpaduan Negara dalam topik Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan.

Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Sembilan

18 Mei 2024, Negeri Sembilan - Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Sembilan telah disempurnakan oleh YB Tengku Zamrah binti Tengku Sulaiman, Exco Kerajaan Negeri, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Perpaduan, Penerangan, Integrasi Nasional dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Negara Bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri (MExUnity)

27 Mei, Johor - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah mempengerusikan Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Negara Bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri (MExUnity) yang pertama bagi tahun 2024. MExUnity dianggotai oleh barisan EXCO Perpaduan Negeri dan EXCO Hal Ehwal Agama Selain Islam.

Kunjungan Hormat kepada Menteri Perpaduan Negara daripada Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak

28 Mei, Putrajaya - Kunjungan hormat kepada YBhg. Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara daripada YBhg. Tan Sri Mohamed Nazir Tun Abdul Razak, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak. Antara yang dibincangkan adalah mengenai hala tuju dan perkembangan terkini Yayasan Tun Razak.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023

11 Jun 2024, Putrajaya - Ucapan Perasmian oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023 dan Sanjungan Budi 2024 Kementerian Perpaduan Negara. Turut hadir, YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, pengurusan tertinggi Kementerian, Jabatan dan Agensi.

Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2023 dan Sanjungan Budi (Persaraan) 2024 Kementerian Perpaduan Negara.

Lawatan Tapak Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara ke Kompleks Tuanku

7 Jun 2024, Perlis - Lawatan tapak ke Kompleks Tuanku oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara bersama YAB Tuan Mohd Shukri Bin Ramli, Menteri Besar Perlis. Turut hadir, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, pengurusan tertinggi Kementerian, Jabatan dan Agensi.

Majlis Peluncuran KRT Kampung Changkat Lada

8 Jun 2024, Perlis - Majlis Peluncuran KRT Kampung Changkat Lada yang telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. Objektif program ini adalah untuk menghebahkan penubuhan KRT Kampung Changkat Lada kepada masyarakat setempat dan mengeratkan perpaduan melalui aktiviti yang dijalankan oleh Kawasan Rukun Tetangga.

International Interfaith Peace & Harmony Forum 2024

8 Jun 2024, Melaka - YB Senator Saraswathy Kandasami,Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan *"International Interfaith Peace & Harmony Forum 2024"* (IIPHF 2024) *Connect & Engage to Enhance Social Flourishing*.

Turut hadir, YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Kedah

8 Jun 2024, Kedah - Ucapan aluan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Kedah. Turut hadir, YB. Dato' Hjh. Halimaton Shaadiah binti Saad, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Wanita, Keluarga & Masyarakat Perpaduan), pengurusan tertinggi Kementerian Perpaduan Negara, Jabatan dan Agensi.

Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya

8 Jun 2024, Putrajaya - Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya yang disempurnakan oleh YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Kelantan

9 Jun 2024, Kelantan - Ucapan aluan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Kelantan. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan, Timbalan Menteri Besar Kelantan mewakili YAB Dato' Panglima Perang, Menteri Besar Kelantan.

Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

9 Jun 2024, Kuala Lumpur - Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur disempurnakan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara bertempat di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Kunjungan Hormat daripada Duta Besar Republik Arab Mesir ke Malaysia kepada Menteri Perpaduan Negara

14 Jun 2024, Putrajaya - Kunjungan hormat daripada TYT Ragai Tawfiq Said Nasr, Duta Besar Republik Arab Mesir ke Malaysia kepada YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara. Pertemuan dua mata ini adalah bertujuan membincangkan kerjasama antara Malaysia dan Mesir berhubung cadangan pameran oleh Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Muzium Malaysia di The Global Egypt Museum.

Karnival Perpaduan Miri

22 Jun 2024, Sarawak - YB Dato Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara merasmikan Karnival Perpaduan Miri bersempena dengan Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Sarawak. Karnival ini merupakan satu platform yang mengetengahkan semangat perpaduan dan kesejahteraan hidup masyarakat berbilang kaum, agama, dan budaya di Malaysia selaras dengan tema "Perpaduan Dalam Kepelbagaian".

Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Melaka

23 Jun 2024, Melaka - Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Melaka telah disempurnakan oleh YB Tuan Ngwe Hee Sem, Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan, Wakil Rasmi YAB Ketua Menteri Melaka. Sambutan yang diraikan dengan tema "Perpaduan Dalam Kepelbagaian" ini bertujuan untuk menyemarakkan lagi semangat perpaduan serta menyebarluaskan pengetahuan, kefahaman, dan penghayatan masyarakat terhadap kepelbagaian adat dan budaya di Malaysia.

Program Pemantapan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Bahagian Limbang

23 Jun 2024, Sarawak - Program Pemantapan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Bahagian Limbang bersama YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. Dalam program tersebut, lebih 450 orang ahli KRT yang hadir melibatkan 45 buah KRT Bahagian Limbang. Turut hadir YBhg. Dato' Hj Che Roslan bin Che Daud, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional dan Tuan Hj. Dirwana bin Hj. Azool, Pengarah Perpaduan Negeri Sarawak

Peningkatan Kualiti Kawasan Rukun Tetangga (KRT)

26 Jun 2024, Kuala Lumpur - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menjawab pertanyaan YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi (Kuala Kedah), ucapan di bawah usul berkenaan peningkatan kualiti kawasan rukun tetangga (KRT) dalam Parlimen Kuala Kedah di kamar khas dewan rakyat.

Majlis Perasmian Baca@Paddy's House

29 Jun 2024, Perlis - Majlis Perasmian Baca@Paddy's House oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara di Stesen Minyak Shell, Titi Tinggi, Padang Besar. Sudut bacaan Ini telah ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan tambahan yang bertindak sebagai Pusat Setempat masyarakat sambil menikmati hidangan dan bacaan santai di sini. Sebanyak 150 naskhah buku bagi golongan remaja dan dewasa, resepi masakan, jahitan dan buku berkaitan negeri Perlis termasuk novel dan 100 naskhah buku kanak-kanak turut disediakan.

Lawatan Kerja Menteri Perpaduan Negara Muzium Kota Kayang

29 Jun 2024, Perlis - Lawatan kerja rasmi YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ke Muzium Kota Kayang, Kuala Perlis. Muzium bukan sahaja mampu memelihara dan memulihara khazanah warisan negara malah menjadi medium mendidik masyarakat untuk mengenali serta menghayati sejarah peradaban budaya pelbagai kaum di negara ini.

Program Jom Masuk 'Gedohoq'

29 Jun 2024, Perlis - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menghadiri Program Jom Masuk 'Gedohoq' bersama Warga KRT Wang Besar sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Perlis.

Turut hadir, YB Tuan Abu Bakar bin Hamzah, ADUN Kuala Perlis, YB Tuan Megat Hashirat bin Hassan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis, dan YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Persiapan Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Perlis

29 Jun 2024, Perlis - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara turun padang ke persiapan Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Perlis. Pada masa yang sama, YB Menteri turut menyempurnakan cabutan nombor bertuah dan menyampaikan hadiah kepada pemenang yang dipilih dalam kalangan pengunjung yang hadir menyaksikan Malam Muzik Perpaduan.

Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Perlis

30 Jun 2024, Perlis - Kementerian Perpaduan Negara menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil bercemar duli dalam Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Perlis di Laman Brasmana, Kuala Perlis.

Bertemakan "Perpaduan Dalam Kepelbagaian", sambutan ini diadakan untuk mengukuhkan semangat patriotisme, nilai perpaduan dan hubungan antara kaum sejajar dengan gagasan Malaysia MADANI. Pada tahun ini, Sambutan Minggu Perpaduan dianjurkan secara tiga (3) peringkat iaitu Jelajah Kembara Perpaduan, Sambutan Minggu Perpaduan dan Karnival Perpaduan dengan pelbagai pengisian menarik yang menonjolkan seni, warisan, adat dan budaya rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa.

Kayuhan Kembara Perpaduan

30 Jun 2024, Perlis - Kayuhan Kembara Perpaduan sempena Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Perlis bersama MAIP's Peduli Pasukan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail bertempat di sekitar Kuala Perlis.

Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Perak

30 Jun 2024, Perak - Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Perak secara rasminya telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan di Dataran Ipoh. Turut hadir, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara,YB Tuan Sivanesan Achalingam, Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Integrasi Nasional dan Hal Ehwal Masyarakat India Negeri Perak, dan YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Mesyuarat Strategik Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR)

5 Julai 2024, Kuala Lumpur - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah mempengerusikan Mesyuarat Strategik Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR).

Fokus utama Yayasan adalah memperkasakan golongan muda, terutamanya daripada latar belakang yang kurang berkemampuan melalui program 'Closing The Gap', Biasiswa Tunku Abdul Rahman dan 'FutureReady' iaitu program kebolehpasaran dan peningkatan kemahiran diri.

Kunjungan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara ke reruai KPN

6 Julai 2024, Pahang - Sempena dengan Program MADANI Rakyat 2024 Zon Timur, YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara meluangkan masa untuk mengunjungi reruai KPN dan menyantuni para petugas daripada Jabatan dan Agensi sebelum menghadiri Majlis Perasmian Program MADANI Rakyat 2024 Zon Timur yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Perlawanan Persahabatan YB TMA FC (Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama) vs UNITI FC (Kementerian Perpaduan Negara)

10 Julai 2024, Putrajaya - Perlawanan Persahabatan YB TMA FC (Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama) vs UNITI FC (Kementerian Perpaduan Negara) telah berlangsung di Padang Bola Sintetik A, Presint 4, Putrajaya. YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) turut hadir menyaksikan perlawanan ini.

Majlis Perasmian Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia kali ke-25

12 Julai 2024, Johor - Majlis Perasmian Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia kali ke-25 yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Tunku Tun Aminah binti Sultan Ibrahim di Dewan Grand Emerald, Sunway Hotel Big Box, Johor.

Konvensyen anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Johor dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia dan Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) berlangsung mulai 12 hingga 15 Julai 2024. Program dwitahunan ini melibatkan penyertaan kakitangan perpustakaan seluruh Malaysia.

Secangkir Kopi bersama Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

13 Julai 2024, Johor - YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara hadir ke Sesi Town Hall "Secangkir Kopi bersama Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara" sempena Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia 2024 di Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru. Seramai 700 peserta konvensyen telah menyertai sesi townhall tersebut.

Majlis Ramah Tamah Uniti Gawai & Kaamatan 2024

13 Julai 2024, Selangor- Majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara. Majlis ini telah diadakan oleh Persatuan Anak Borneo Semenanjung dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa Guru SJKC Sin Ming.

Bengkel Pemurnian Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2025-2030

16 Julai 2024, Selangor- Bengkel ini diadakan untuk mengemaskini pelan tindakan perpaduan negara sejajar dengan teras dan strategi dasar perpaduan negara.

Persidangan Antarabangsa Penyelidikan Korpus 2024

24 Julai 2024, Perak - YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Persidangan Antarabangsa Penyelidikan Korpus 2024 di Dewan Muallim, Scholar Suites, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Penyelidikan bahasa berasaskan korpus yang diketengahkan persidangan ini melambangkan satu gagasan pemikiran yang sejagat dalam menyatupadukan dan mengharmonikan persefahaman antara bangsa.

Kunjungan Hormat daripada Duta Amerika Syarikat ke Malaysia kepada Menteri Perpaduan Negara

26 Julai 2024, Putrajaya - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menerima kunjungan dari TYT Edgard D. Kagan, Duta Amerika Syarikat ke Malaysia dan delegasi Kedutaan Amerika Syarikat.

Sidang Media Penyerahan Pelan Tindakan Hala Tuju Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) kepada YAB Perdana Menteri Malaysia

31 Julai 2024, Putrajaya - Sidang Media YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara berkenaan Penyerahan Pelan Tindakan Hala Tuju Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) kepada YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri pada 17 Julai 2024. Pelan Hala Tuju MITRA ini telah disediakan oleh PEMANDU ASSOCIATES yang telah bertindak sebagai konsultan dalam inisiatif ini.

Kontinjen Komuniti Malaysia MADANI

31 Ogos 2024, Putrajaya- Kontinjen Komuniti Malaysia MADANI yang diterajui oleh Kementerian Perpaduan Negara adalah perarakan masyarakat Malaysia pelbagai kaum meliputi masyarakat Melayu, Cina, India, Sikh/ Punjabi, Orang Asli, komuniti Siam, etnik Chetti, Baba & Nyonya serta komuniti etnik Sabah dan Sarawak.

Untuk pertama kali dalam sejarah perarakan dan perbarisan Hari Kebangsaan, kontinjen ini merupakan kontinjen terbesar yang melibatkan seramai 779 orang di mana semua peserta yang berpakaian etnik lengkap dengan aksesori melambangkan kepelbagaian budaya dan adat resam masyarakat Malaysia.

Keunikan kontinjen ditonjolkan melalui alatan (props) dan persembahan khas sebagai simbolik PERPADUAN masyarakat Malaysia, antaranya Kumpulan Jidur & Tetuang, Kumpulan Kompang, Tarian Naga & Singa, Chinggay, Pergendangan Baghra dan Urumi, Tarian Merak serta Perarakan Kuda & Pahlawan Bajau.

"Perpaduan Dalam Kepelbagaian" merupakan elemen utama dalam mengukuhkan semangat perpaduan, jati diri dan patriotisme masyarakat dan diterjemahkan oleh kontinjen melalui props berupa Pohon Beringin, Tepak Sireh, Bunga Emas, Tombak, Daun Sirat, Perisai Tangan dan Perisai Tunjuk dari semua kaum yang terdapat di Malaysia.

Lawatan Tapak Projek Pembinaan Pusat Rukun Tetangga Taman Duyung

1 Ogos 2024, Negeri Sembilan - Sesi Lawatan Tapak Projek Pembinaan Pusat Rukun Tetangga Taman Duyung PD oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. Tujuan lawatan tapak ini diadakan bagi memantau status terkini pelaksanaan projek di tapak dan PRT yang bakal dijadikan sebagai pusat aktiviti komuniti setempat yang merangkumi tabika, taska perpaduan dan pusat aktiviti perpaduan.

Dialog Teluk Kali ke-11

2 Ogos 2024, Sarawak - Ucapan perasmian oleh YBrs. Puan Norihan binti Mohamed Naim, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Kementerian Perpaduan Negara sempena Dialog Teluk Kali ke-11 bertempat di Hotel Dynasty, Miri, Sarawak. Kementerian Perpaduan Negara melihat penganjuran Dialog Teluk ini sebagai salah satu elemen penting untuk menyokong kerangka membangun Malaysia MADANI melalui "Perpaduan Dalam Kepelbagaian".

Program Jejak Harmoni Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2024

3 Ogos 2024, Sarawak - Program ini adalah salah satu daripada program Flagship Kementerian Perpaduan Negara di bawah Inisiatif Harmoni MADANI yang bertujuan memperkukuhkan keharmonian masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan berbeza anutan agama serta kepercayaan agar dapat terus hidup dalam landskap sosial yang lebih harmoni. Antara rumah ibadat yang terlibat dalam program Jejak Harmoni Peringkat Negeri Sarawak adalah Masjid An-Naim, The Good Shepherd Church, Life Methodist Church, dan Some Shak Lung Kung Temple.

Festival Peranakan Malaysia 2024

3 Ogos 2024, Melaka - Perasmian Festival Peranakan Malaysia 2024 disempurnakan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara.

Turut hadir, YB Puan Siti Faizah Binti Abdul Aziz, Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Rambai, Melaka Dan Timbalan EXCO Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Melaka, YBhg. Dato' Ronald Gan Yong Hoe, Presiden Persatuan Peranakan Baba Nyonya Malaysia dan Rakan Penganjur YBrs. Dr. Hazami bin Jahari, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Majlis Libat Urus Belanjawan 2025

6 Ogos 2024, Putrajaya - YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah hadir mewakili YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan telah merasmikan Majlis Libat Urus Belanjawan 2025 selaras dengan tema "Ekonomi MADANI, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera".

Sesi ini diadakan bagi mendapatkan cadangan, pandangan dan idea daripada pihak berkepentingan yang banyak membantu Kerajaan dalam menjadi ejen dan jentera perpaduan di dalam negara ini.

Regional Southeast Asia Human Dignity Conference 2024

6 Ogos 2024, Kuala Lumpur - Merafak sembah dan menjunjung kasih atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbudin Shah Al-Maghfur-Lah, Sultan Perak bercemar duli menyempurnakan ***Regional*** *Southeast Asia Human Dignity Conference 2024 "Dignity For Everyone, Everywhere: Best Practices & Success Stories For Building Inclusive Societies"* bertempat di Azman Hashim Auditorium, ACE Conference Centre.

Persidangan yang dianjurkan di ACE Conference Centre Kuala Lumpur ini dianjurkan bertujuan untuk menyediakan platform bagi para peserta berkongsi idea dan pandangan termasuk dalam soal memelihara maruah diri, bertepatan dengan prinsip maqasid syariah.

Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)

8 Ogos 2024, Putrajaya - Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) telah dipengerusikan bersama oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Mesyuarat ini adalah bagi membincangkan mengenai usaha-usaha pengukuhan keharmonian dan perpaduan masyarakat di Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya.

Kunjungan Hormat daripada Presiden Transparency International Malaysia kepada Menteri Perpaduan Negara

8 Ogos 2024, Putrajaya - Kunjungan hormat daripada Dr. Muhammad Mohan, Presiden Transparency International Malaysia kepada YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara. Kunjungan hormat ini diadakan bertujuan untuk membincangkan program dan kolaborasi strategik yang boleh diadakan bersama. Delegasi kunjungan diketuai oleh Dr. Muhammad Mohan, Pengerusi Transparency International Malaysia.

Majlis Peluncuran Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan

9 Ogos 2024, Kuala Lumpur - Majlis Peluncuran Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri bertempat di Hotel Premiera, Kuala Lumpur. Bacaan Ikrar Rukun Negara sempena Majlis ini diketuai oleh Encik Mohd Zulhilmi bin Mohd Husin dan 6 wakil Kementerian Perpaduan Negara.

Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Kementerian Perpaduan Negara 2024

9 Ogos 2024, Putrajaya - Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Kementerian Perpaduan Negara 2024 telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di lobi utama Kementerian Perpaduan Negara.

Majlis telah diserikan dengan nyanyian lagu-lagu patriotik oleh warga KPN dan juga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP). YB Menteri Perpaduan Negara turut menyerahkan jalur gemilang kepada pengurusan tertinggi Kementerian, Jabatan & Agensi dan juga SPP serta memasang jalur gemilang di kenderaan KPN sebagai simbolik menyemarakkan bulan kebangsaan pada tahun ini.

Program Malaysiaku Merdeka Peringkat Negeri Melaka

17 Ogos 2024, Melaka - Program Malaysiaku Merdeka Peringkat Negeri Melaka dirasmikan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasamy, Timbalan Menteri Perpaduan Negara, bagi pihak YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Melaka International Trade Centre (MITC). Program ini dianjurkan sebagai sebahagian daripada usaha memperingati dan menyemarakkan semangat kemerdekaan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sesi Pembentangan Cadangan Inisiatif Bajet 2025

19 Ogos 2024, Putrajaya - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menghadiri Sesi Pembentangan Cadangan Inisiatif Bajet 2025 yang dipengerusikan oleh YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II di Bilik Mesyuarat Utama, Kementerian Kewangan Malaysia.

Dalam pembentangan ini, KPN telah mengangkat cadangan berhubung program perpaduan, kesejahteraan komuniti, pendigitalan, pembaikan premis perpaduan, pendigitalan khazanah warisan negara serta pemerolehan, pemeliharaan dan pemuliharaan bahan arkib, muzium dan perpustakaan.

Rakaman Sesi Temubual FMT bersama Menteri Perpaduan Negara

20 Ogos 2024, Putrajaya - Rakaman Sesi Temubual FMT bersama YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara bagi membincangkan inisiatif dan program terbaharu KPN. Turut hadir, Encik Nelson Fernandez, Pengarah Eksekutif, Free Malaysia Today dan Encik Azeem Abu Bakar, Pengarah Urusan Free Malaysia Today.

Seminar Pengiktirafan Warisan Dunia: Koleksi Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid (1882-1943)

27 Ogos 2024, Kedah - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Seminar Pengiktirafan Warisan Dunia: Koleksi Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid (1882-1943) yang dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara menerusi Arkib Negara Malaysia.

Koleksi Surat-menyurat Sultan Abdul Hamid ini telah diwartakan sebagai warisan dunia *"Memory of the World Register"* pada September 2001 oleh United Nation Educational, Scientific and Culture Organization (UNESCO) atas hasil usaha Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama para penyelidik tempatan.



Majlis Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2024

30 Ogos 2024, Putrajaya - Seramai 7,000 orang hadir ke Majlis Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2024 bersama-sama Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Majlis anjuran Kementerian Perpaduan Negara selaku kementerian peneraju dihadiri barisan Menteri Kabinet, penjawat awam, jentera-jentera perpaduan seperti Kawasan Rukun Tetangga (KRT), ahli Sekretariat Rukun Negara, ahli Kelab Rukun Negara, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), agensi swasta dan orang awam.

Perdana Menteri menyampaikan hasrat dan harapan kerajaan tentang peri penting menjiwai erti kemerdekaan serta terus menyemarakkan semangat patriotik bagi mengekalkan perpaduan rakyat, seiring dengan tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini, Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka.

Sambutan Anak Merdeka 2024

31 Ogos 2024, Kuala Lumpur - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Sambutan Anak Merdeka 2024 bersempena dengan Hari Kemerdekaan ke-67 tahun yang dianjurkan oleh Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Persatuan Warisan Anak Merdeka Kuala Lumpur & Selangor.

Sambutan Anak Merdeka bertujuan mengukuhkan identiti kebangsaan dan semangat patriotisme dalam membentuk generasi yang memahami dengan lebih mendalam sejarah kemerdekaan negara.

Majlis *Kick-off* Program Liga Sukan UNITI Tahun 2024

15 September 2024, Sabah - Majlis *Kick-off* Program Liga Sukan UNITI Tahun 2024 telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Kota Kinabalu, Sabah. Liga Sukan UNITI (LSU) yang berlangsung sepanjang bulan September hingga Oktober 2024 ini melibatkan tiga sukan utama iaitu bola jaring, futsal dan badminton di seluruh negara.

Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah untuk mengeratkan pelbagai bangsa dan budaya melalui Detik-Detik Perpaduan, *'Moments of Unity'* melalui sukan. Penganjuran LSU pada tahun ini adalah dengan kerjasama erat bersama-sama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Persatuan Bola Jaring Malaysia, Persatuan Bola Sepak Malaysia dan Persatuan Badminton Malaysia.

Dialog: Memasyarakatkan Perlembagaan Persekutuan

4 September 2024, Kuala Lumpur - Kementerian Perpaduan Negara dan Pertubuhan IKRAM Malaysia dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia, Gabungan Pertubuhan Cina (Huazong) dan Gabungan NGO-NGO India Malaysia (i25) telah menganjurkan program Dialog: Memasyarakatkan Perlembagaan Persekutuan bersempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara bertempat di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.

Clock Out Yang Terakhir, YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof

4 September 2024, Putrajaya - Sesi *'clock out'* yang terakhir, YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Perpaduan Negara. Pengurusan tertinggi dan seluruh warga Kementerian turut mengiringi beliau sebagai tanda penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga atas kepimpinan dan jasa bakti cemerlang yang telah dicurahkan sepanjang berkhidmat di KPN.

YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad Secara Rasmi Melaporkan Diri di Kementerian Perpaduan Negara

5 September 2024, Putrajaya - Ybhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha secara rasmi melaporkan diri di Kementerian Perpaduan Negara. Ketibaan YBhg. Datuk Seri telah disambut oleh pengurusan tertinggi, Setiausaha-setiausaha Bahagian dan warga Kementerian Perpaduan Negara.

Kunjungan Hormat daripada Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara kepada Timbalan Menteri Perpaduan Negara

5 September 2024, Putrajaya - Kunjungan hormat daripada YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara kepada YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara.

Kunjungan Hormat daripada Pengarah dan Pengasas, Institut Kajian Etnik (KITA) kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

6 September 2024, Putrajaya - Kunjungan hormat daripada YBhg. Prof Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah dan Pengasas, Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia kepada YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Shared Values On Peace and Harmonious Coexistence

8 September 2024, Selangor - YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah membacakan teks ucapan perasmian YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara bagi program *Shared Values On Peace and Harmonious Coexistence featuring the exhibitions Islam On Peace and Harmonious Coexistence & The Lotus Sutra - A Message Of Peace di International Institute of Islamic Thought and Civilization* bertempat di ISTAC, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Mengenang Negarawan Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah anak Barieng "Negarawan Terbilang"

9 September 2024, Sarawak - Program Mengenang Negarawan Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah anak Barieng "Negarawan Terbilang" anjuran Arkib Negara Malaysia diadakan bagi mengenang pengorbanan, jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh Tun Datuk Patinggi Temenggong Jugah anak Barieng di Malaysia dan negeri Sarawak khususnya.

Program ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Premier Sarawak mewakili YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Patinggi Abang Haji Openg, Premier Sarawak. YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara turut menzahirkan setinggi harapan agar jasa dan pengorbanan Tun Jugah bukan sahaja menjadi sumber inspirasi dan teladan seluruh rakyat Malaysia khususnya warga Sarawak, tetapi juga dicontohi oleh pemimpin masyarakat dan politik demi kemakmuran negara Malaysia tercinta.

Kunjungan Hormat daripada Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara kepada Menteri Perpaduan Negara

11 September 2024, Putrajaya - Kunjungan hormat daripada YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara kepada YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Sesi Beramah Mesra Bersama Warga Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional

12 September 2024, Putrajaya - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara meluangkan masa untuk melawat ke setiap bahagian dan beramah mesra bersama warga Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Sesi Beramah Mesra Bersama Warga Arkib Negara Malaysia

13 September 2024, Kuala Lumpur - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara meluangkan masa untuk melawat ke setiap bahagian dan beramah mesra bersama warga Arkib Negara Malaysia.

Kunjungan Hormat daripada Profesor Adjung Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

13 September 2024, Putrajaya - Kunjungan hormat daripada YBhg. Datuk Dr. Mustapha Ahmad Marican, Profesor Adjung Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kepada YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Wacana Harmoni MADANI

14 September 2024, Sabah - Kementerian Perpaduan Negara menganjurkan Wacana Harmoni MADANI: "Harmoni Dalam Kepelbagaian" bagi berkongsi maklumat dasar-dasar negara, kajian dan penerokaan ilmu serta nilai-nilai murni dan amalan terbaik dalam menguruskan perpaduan dan keharmonian masyarakat Malaysia. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 2024

16 September 2024, Putrajaya - Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar berkenan berangkat ke sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Sambutan bertemakan 'Perpaduan Teras Malaysia MADANI' adalah manifestasi daripada intipati ajaran Rasulullah SAW dan merupakan satu tema yang sangat signifikan kepada umat Islam termasuk masyarakat bukan Islam di negara ini. Kontinjen Maulidur Rasul Kementerian Perpaduan Negara yang terdiri daripada seramai 35 orang turut mengambil bahagian pada sambutan kali ini.

Majlis Penutup Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah dan Penyerahan Watikah Pelantikan Ejen Perpaduan di Universiti Malaysia Sabah (UMS)

17 September 2024, Sabah - Dalam usaha untuk memacu dan menggerakkan agenda perpaduan negara terutama bagi generasi muda, Kementerian Perpaduan Negara akan melantik ejen, duta dan ikon perpaduan dalam kalangan alumni misi sukarelawan siswa anjuran Yayasan Sukarelawan Siswa.

Mesyuarat Khas YAB Perdana Menteri bersama Ketua Setiausaha Kementerian

19 September 2024, Putrajaya - Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad telah hadir ke Mesyuarat Khas YAB Perdana Menteri bersama Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan Tahun 2024.

Majlis Perasmian Kanowit Waterfront dan Pesta Kanowit 2024

20 September 2024, Sarawak - Majlis Perasmian Kanowit Waterfront dan Pesta Kanowit 2024 telah disempurnakan oleh YB Datuk Amar Prof. Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier, Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Sarawak di Pentas Utama Kanowit Waterfront.

Pesta Kanowit selari dengan inisiatif 'Ini Warisan Kita' dan salah satu pengisian utama dalam program flagship Kementerian iaitu Kembara Perpaduan Malaysia MADANI melalui konsep "Perpaduan Dalam Kepelbagaian".

Turut hadir, YB Dato Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, YBrs. Puan Norihan binti Mohamed Naim, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), KPN dan YBhg. Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Taklimat Unit Komunikasi Korporat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

23 September 2024, Putrajaya - Taklimat Unit Komunikasi Korporat (UKK) kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad. Dalam sesi pertemuan tersebut, Puan Mutia Azura Mohamed, Ketua Unit Komunikasi Korporat membentangkan prestasi semasa, perancangan dan status perkara-perkara yang memerlukan tindakan UKK KPN.

Lawatan *"Delegasi Development Academy Of The Philippines* (DAP)" ke Kementerian Perpaduan Negara

25 September 2024, Putrajaya - Lawatan *"Delegasi Development Academy Of The Philippines (DAP)"* Rakan Sejawat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) ke Kementerian Perpaduan Negara. DAP telah memilih Malaysia untuk ditanda aras pada kali ini bagi menyempurnakan Modul Inovasi Tadbir Urus dan Dasar Antarabangsa bagi Kelas Eksekutif Kanan di bawah Program Pembangunan Pengurusan Awam Filipina.

Antara objektif pembelajaran pada lawatan kali ini adalah untuk mempelajari tentang sejarah, politik, ekonomi, masyarakat dan budaya Malaysia serta peranan KPN dalam membangunkan dasar-dasar seperti Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian.

Sesi Lawatan dan Beramah Mesra Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Bersama Warga Perpustakaan Negara Malaysia

26 September 2024, Kuala Lumpur - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah mengadakan sesi lawatan dan beramah mesra bersama warga Perpustakaan Negara Malaysia. Turut hadir, YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara dan pengurusan tertinggi Perpustakaan Negara Malaysia.

Sesi Lawatan dan Beramah Mesra Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Bersama Warga Jabatan Muzium Malaysia

26 September 2024, Kuala Lumpur - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara mengadakan sesi lawatan dan beramah mesra bersama warga Jabatan Muzium Malaysia. Turut hadir, YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara dan pengurusan tertinggi Jabatan Muzium Malaysia.

Majlis Perasmian Program Semarak@ Muzium Sungai Lembing

28 September 2024, Pahang - Jabatan Muzium Malaysia menerusi Muzium Sungai Lembing telah menganjurkan Majlis Perasmian Program Semarak@Muzium Sungai Lembing yang telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara di pekarangan Muzium Sungai Lembing.

Penganjuran program ini merupakan program kemasyarakatan berkonsepkan muzium bersama komuniti yang menjadi platfrom strategik dan usaha progresif pihak Jabatan Muzium Malaysia dalam mengangkat dan memartabat pelbagai warisan tradisi, seni, budaya, serta sejarah negara khususnya di Sungai Lembing.

Lawatan Kerja Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara ke KRT Kg. Lamir Pekan

28 September 2024, Pahang - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara hadir ke KRT Kg. Lamir Pekan bagi meninjau pelaksanaan RT Progresif yang dilaksanakan.

Dalam lawatan ini, YBhg. Datuk Seri melawat projek perternakan ikan keli yang telah dimulakan lebih sebulan yang lalu. Beliau sempat meluangkan masa ke kebun tanaman timun dan pisang lemak manis bagi pasaran tempatan.

Kunjungan Ketua Setiausaha Negara ke Reruai Kementerian Perpaduan Negara

29 September 2024, Sarawak - Kementerian Perpaduan Negara berbesar hati menerima kunjungan YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara ke reruai KPN di Program MADANI Rakyat 2024 Sarawakku Sayang. Beliau meluangkan masa meninjau aktiviti-aktiviti dan perkhidmatan yang disediakan dan sempat beramah mesra bersama petugas-petugas di reruai.

Majlis Perasmian Karnival Liga Sukan UNITI Peringkat Kebangsaan Tahun 2024

26 Oktober 2024, Selangor - Majlis Perasmian Karnival Liga Sukan UNITI Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 disempurnakan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara mewakili YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Uptown Sports Bangi, Selangor. Sebanyak tiga (3) jenis sukan dipertandingkan selama dua (2) hari karnival ini berlangsung iaitu Bola Jaring, Badminton dan Futsal.

Majlis Pelancaran Kempen "Shine Bright This Deepavali"

1 Oktober 2024, Selangor - YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Majlis Pelancaran Kempen "Shine Bright This Deepavali" dan menyampaikan sumbangan Mydin Prihatin anjuran Mydin Mohamed Holdings Berhad dengan kerjasama SMS Deen Jewellers dan Bombay Bazaar bertempat di MYDIN Subang Jaya, Selangor.

Perasmian Bengkel Cadangan Pembangunan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam

2 Oktober 2024, Putrajaya - Perasmian Bengkel Cadangan Pembangunan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara bertempat di Dewan Seroja, Presint 15, Putrajaya.

Kunjungan Hormat Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara ke Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia

3 Oktober 2024, Selangor – YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah mengadakan sesi kunjungan hormat ke Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (KITA-UKM).

Semasa sesi kunjungan hormat tersebut, YBhg. Datuk Seri KSU telah bertemu YBhg. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri bin Baharuddin, Pengarah Pengasas KITA-UKM. Pelbagai perkara telah dibincangkan terutamanya mengenai aspirasi dan hala tuju Kajian Indeks Perpaduan Nasional Ketiga (IPNas Ke-3) Tahun 2024.

Lawatan Kerja Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara ke KRT Progresif Perumahan Awam Seri Perlis 2

7 Oktober 2024, Kuala Lumpur - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah mengadakan lawatan kerja ke Kawasan Rukun Tetangga Progresif bertempat di Kawasan Rukun Tetangga Perumahan Awam Seri Perlis 2 di Kuala Lumpur.

KRT Perumahan Awam Seri Perlis 2 merupakan antara KRT yang cemerlang melalui pelaksanaan program/projek yang berimpak tinggi yang disumbangkan secara sukarela kepada komuniti. Pelbagai produk telah dihasilkan seperti coklat buatan tangan dan bunga telang kering serta tanaman sayuran daun dan pokok-pokok herba.

Lawatan Kerja Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara ke KRT Progresif Tetangga Seksyen 5 Bandar Rinching

7 Oktober 2024, Selangor - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah mengadakan lawatan kerja ke KRT Progresif bertempat di Kawasan Rukun Tetangga Seksyen 5 Bandar Rinching, Hulu Langat Selangor.

Antara projek ekonomi dan sara hidup KRT ini adalah ternakan ikan keli, akuaponik (kesum, pegaga dan daun kunyit) dan ikan keli salai, kelapa parut, kerisik dan pegaga crispy. KRT ini telah memenangi pelbagai anugerah di Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2023.

Lawatan Kerja Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara ke KRT Progresif Taman Gemencheh Baru

7 Oktober 2024, Selangor - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah mengadakan lawatan kerja ke Kawasan Rukun Tetangga Progresif bertempat di KRT Taman Gemencheh Baru, Tampin Negeri Sembilan.

Projek yang telah dilaksanakan adalah rendang maman ayam dan daging serta produk *crispy*, tanaman sayuran dan madu kelulut. Projek KRT Progresif telah berjaya menunjukkan kesepakatan dan kemuafakatan dan boleh dijadikan contoh kepada KRT lain yang kurang aktif di seluruh negara.

Majlis Amanat Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

9 Oktober 2024, Putrajaya – Majlis Amanat Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad di Dewan Serbaguna Aras 1, Block F9, Kompleks F, Putrajaya. Majlis ini melibatkan semua warga termasuk jabatan dan agensi di bawah naungan Kementerian Perpaduan Negara.

Kunjungan Hormat Daripada *Chairman of the State Commitee on Work with Diaspora* daripada Republik Azerbaijan kepada Timbalan Menteri Perpaduan Negara

11 Oktober 2024, Putrajaya - YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah menerima kunjungan hormat daripada *Chairman of the State Committee on Work with Diaspora* daripada Republik Azerbaijan, TYT Dr. Fuad Muradov berserta delegasinya. Kedua-dua pihak telah bertukar-tukar pandangan untuk meluaskan kerjasama dalam konteks Perpaduan di antara Malaysia dan Republik Azerbaijan.

Sambutan Hari Sukan Negara 2024 Peringkat Kementerian Perpaduan Negara

11 Oktober 2024, Putrajaya - YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Sambutan Hari Sukan Negara 2024, Kementerian Perpaduan Negara. KPN juga telah menjadikan sukan sebagai salah satu agenda perpaduan di bawah kerangka Perpaduan Malaysia MADANI melalui Flagship Kembara Perpaduan yang menjadikan sukan sebagai elemen perpaduan atau *"Moment of Unity"* yang menjadikan detik-detik sukan sebagai satu platform menyatukan rakyat tanpa mengira latar belakang, bangsa, budaya, etnik dan agama.

Sesi Perbincangan Kerjasama Strategik Kementerian Perpaduan Negara bersama MAKSAK

14 Oktober 2024, Putrajaya – YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah mengadakan Sesi Perbincangan Kerjasama Strategik Kementerian Perpaduan Negara bersama Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK). MAKSAK telah berkongsi beberapa cadangan pelaksanaan program kebudayaan yang bakal dianjurkan pada bulan Disember 2024.

Kunjungan Hormat daripada Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Malaysia kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

16 Oktober 2024, Putrajaya – Kunjungan hormat daripada YBhg. Dato' Sr. Mohd Zaid Zakaria, Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Malaysia kepada YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Persiapan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025

16 Oktober 2024, Kuala Lumpur – YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri telah mempengerusikan mesyuarat khas Kabinet bagi membincangkan persiapan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025. Malaysia secara rasmi dilantik sebagai Pengerusi ASEAN 2025 dan bakal menjadi tumpuan dunia sekali gus membuka pelbagai peluang ekonomi serta akses kepada rakyat.

Turut hadir, YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara bersama YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) Bilangan 2 Tahun 2024

16 Oktober 2024, Kuala Lumpur - Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) Bilangan 2 Tahun 2024 telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air merangkap Pengerusi MPPN.

Turut serta, Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang selaku Timbalan Pengerusi dan barisan ahli Majlis serta tokoh-tokoh masyarakat daripada pelbagai sektor termasuk dari Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan individu yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang perpaduan.

Majlis Makan Malam Lan Berambeh Anak Sarawak 2024 edisi ke-15

19 Oktober 2024, Kuala Lumpur - YB Dato Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyampaikan ucapan alu-aluan sempena Majlis Makan Malam Lan Berambeh Anak Sarawak 2024 edisi ke-15 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia. Majlis diserikan dengan kehadiran Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan isteri, Toh Puan Datuk Patinggi Fauziah Mohd Sanusi.

Turut hadir, Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof, Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Dr. Sim Kui Hian, barisan Menteri Kabinet Persekutuan dan Negeri serta tetamu kehormat.

Lawatan Tapak Projek Menaik Taraf dan Memulihara Bangunan Galeria Sri Perdana

21 Oktober 2024, Kuala Lumpur – YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah meluangkan masa melawat Tapak Projek Menaik Taraf dan Memulihara Bangunan Galeria Sri Perdana.

Majlis Apresiasi Cik Arulini Ashwiinaa Arumugam

24 Oktober 2024, Putrajaya – YB Senator Puan Sarawathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah hadir ke Majlis Apresiasi Cik Arulini Ashwiinaa Arumugam yang telah mewakili Malaysia dalam Pertandingan Nyanyian SAREGAMAPA Senior Season 4 di Chennai, India.

Majlis apresiasi ini bertujuan untuk berkongsi kisah inspirasi Cik Arulini Ashwiinaa Arumugam serta untuk meraikan pencapaian luar biasa dalam pertandingan nyanyian tersebut. Seramai 15,000 peserta telah bersaing untuk melepasi pusingan kelayakan namun berkat usaha dan keyakinan Cik Arulini beliau berjaya membawa nama Malaysia ke persada antarabangsa.

Majlis Perasmian Penutup Bengkel Perancangan Strategik Komunikasi Korporat Kementerian Perpaduan Negara serta Agensi Bagi Tahun 2025

24 Oktober 2024, Kuala Lumpur - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara telah hadir ke sesi pembentangan rumusan perancangan komunikasi KPN 2025 dan menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Bengkel Perancangan Strategik Komunikasi Korporat Kementerian Perpaduan Negara serta Agensi bagi tahun 2025 di Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur.

Bengkel Perancangan Strategik Komunikasi Korporat Kementerian Perpaduan Negara dan Agensi bagi tahun 2025 ini diadakan untuk merancang Hala Tuju Komunikasi KPN bagi 2025 agar selari dengan visi dan misi Kementerian dalam memastikan dasar perpaduan negara akan terlaksana.

Hari Terbuka Psikologi Kementerian Perpaduan Negara 2024

24 Oktober 2024, Kuala Lumpur - Hari Terbuka Psikologi Kementerian Perpaduan Negara 2024 bertemakan 'Pilih Sejahtera Di Tempat Kerja' yang diadakan di Dewan Utama Memorial Tun Hussein Onn, Kuala Lumpur ini bertujuan untuk mempertingkatkan kesedaran warga terhadap aspek kesejahteraan mental dan diadakan sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. YBhg. Datuk Seri turut menyampaikan sijil pentauliahan AKRAB kepada 29 orang ahli AKRAB baharu KPN dan Jabatan.

Temubual Astro Arena Bersama Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan

27 Oktober 2024, Kuala Lumpur - Sekitar temubual bersama YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dalam topik Karnival Liga Sukan Uniti 2024 di Astro Arena. YBhg. Datuk Seri telah berkongsi kemeriahan Karnival Liga Sukan Uniti Peringkat Kebangsaan 2024 yang telah berlangsung pada 26 dan 27 Oktober 2024. Karnival ini telah meraih penyertaan seramai 23,000 orang melibatkan 2,220 pasukan.

Kunjungan Hormat daripada Pengerusi Jawatankuasa Persatuan Alumni UPM (Sarawak) kepada Menteri Perpaduan Negara

28 Oktober 2024, Putrajaya - Kunjungan hormat kepada YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara daripada YBhg. Datuk Sylvester Entri Muran, Pengerusi Jawatankuasa Persatuan Alumni UPM (Sarawak).

Turut hadir, YBhg. Dato Hj. Sapuan Ahmad dan YBhg. Datu Hj. Maria Hassan daripada Persatuan Alumni UPM (Sarawak), YBhg. Dato Raihan Sharif dan YBrs. Dr. Ibrahim, Encik Wan Ali Wan Abd Rahman daripada Persatuan Alumni UPM Serdang, YBhg. Prof. Madya Dr. Siti Aqlima Ahmad dan YBrs. Dr. Mohd Mokhrish Md Ajat dan Puan Aida Fitri Perli daripada Pusat Perhubungan Persatuan Alumni UPM Serdang.

Bengkel Pengurusan Permohonan Program/Projek Pembangunan RMKe-13

30 Oktober 2024, Pahang - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah merasmikan penutupan Bengkel Pengurusan Permohonan Program/Projek Pembangunan RMKe-13 di Resort Hotel Awana. Hasil daripada bengkel ini akan dijadikan sebagai asas dan panduan dalam memulakan proses pengurusan projek.

Majlis Rumah Terbuka Deepavali MADANI

31 Oktober 2024, Kuala Lumpur – Majlis Rumah Terbuka Deepavali MADANI diserikan dengan kehadiran Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. YAB PM meluangkan masa menyantuni dan meraikan Deepavali yang juga dikenali sebagai Pesta Cahaya bersama orang ramai yang hadir ke Sentul Depot, Kuala Lumpur.

Turut hadir bersama, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Program Hari Digital Perpaduan Tahun 2024

7 November 2024, Kuala Lumpur - YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah menyempurnakan Program Hari Digital Perpaduan Tahun 2024 di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia. Program ini turut disiarkan secara langsung melalui laman Facebook rasmi Kementerian Perpaduan Negara.

Program ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan maklumat secara terus berkaitan perkhidmatan pendigitalan yang disediakan sekali gus mendidik dan meningkatkan kesedaran keselamatan siber dalam kalangan warga KPN.

Majlis Makan Malam Sempena Hari Ulang Tahun Ke-4

8 November 2024, Johor - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Makan Malam Sempena Hari Ulang Tahun Ke-4 Pertubuhan Gabungan Penganut dan Pengurusan Rumah Berhala Cina Malaysia.

Pertubuhan ini telah memainkan peranan penting dalam mempromosikan keharmonian dan persefahaman antara penganut dan rumah-rumah ibadat di Malaysia. Mereka bertindak sebagai perantara dan perunding di antara persatuan dengan kerajaan berhubung perkara-perkara berkaitan rumah berhala dan persatuan penganut bagi agama Buddha, Tao, Confusion dan Rujiao.

Wacana Kelestarian Keselamatan, Perpaduan dan Keharmonian Negara Peringkat Negeri Sabah Tahun 2024

10 November 2024, Sabah – Kementerian Perpaduan Negara telah menganjurkan Program Wacana Kelestarian Keselamatan, Perpaduan dan Keharmonian Negara Peringkat Negeri Sabah Tahun 2024 yang telah disempurnakan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara di Dewan Hotel Borneo Royale, Tawau, Sabah.

Perbahasan Belanjawan Peringkat Dasar

11 November 2024, Kuala Lumpur – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menggulung perbahasan belanjawan peringkat dasar di Dewan Rakyat, Parlimen. Dalam sesi tersebut YB Menteri telah menjawab pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Sri Aman, Kapar, Batang Lupar, Batu Pahat, Bukit Bendera dan Langkawi berkaitan perkara-perkara di bawah peranan Kementerian Perpaduan Negara.

Majlis Pelancaran Buku Tun Abdul Razak

12 November 2024, Kuala Lumpur – DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah berkenan menyempurnakan Majlis Pelancaran Buku 'Tun Abdul Razak: Imagining Malaysia's Future Through His Lenses', sebagai penghormatan kepada Perdana Menteri Kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak, yang juga digelar 'Bapa Pembangunan Malaysia'.

MAJLIS PELUNCURAN INISIATIF PEMERKASAAN RUKUN TETANGGA SEBAGAI PENGGERAK KOMUNITI PROGRESIF

Majlis Peluncuran Inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara pada 14 Mei 2024 bertempat di Dewan Sri Jugra, Banting, Kuala Langat, Selangor. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkasa dan menggerakkan komuniti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) secara bersepadu dan menyeluruh sebagai Penggerak Komuniti Progresif selaras dengan matlamat Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

PROGRAM JOM RONDA PERPADUAN DI HATI SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS) KRT SUNGAI KANTAN, HULU LANGAT, SELANGOR

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj Che Roslan Bin Che Daud, Ketua Pengarah JPNIN pada 14 Jun 2024. Turut hadir bersama adalah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Strategik), Pegawai-pegawai kanan Jabatan, IPD Kajang dan anggota SRS KRT Sg. Kantan. Objektif program ini ialah memberi kesedaran dan kefahaman tentang keselamatan kawasan kejiranan, mengenalpasti keperluan untuk menjaga kawasan sejiran, memberi kefahaman kepada anggota peronda mengenai pengurusan dan pelaksanaan rondaan di kawasan sejiran.

Program ini dimulakan dengan pemeriksaan barisan anggota peronda SRS Sungai Kantan, taklimat rondaan awam oleh PDRM Kajang dan Ketua Peronda. Aktiviti rondaan melibatkan 3 check point utama iaitu bermula di Kabin SRS Sg Kantan CP4, Surau As-Syakirin Sungai Kantan dan berakhir di pekarangan bilik gerakan KRT.

DEBAT PERPADUAN PIALA MENTERI PERPADUAN NEGARA TAHUN 2024

Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara pusingan akhir yang berlangsung pada 16 Mei 2024 bertempat di Hotel Concorde Shah Alam Selangor telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara. Pertandingan debat kali ini telah menyaksikan pasukan debat dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjuarai pertandingan menewaskan pasukan debat dari Universiti Malaya (UM).

Sebanyak 50 pasukan telah menyertai pertandingan yang diadakan secara atas talian bermula dari 4 hingga 5 Mei 2024 bagi pusingan awal dan suku akhir. Manakala pusingan separuh akhir dan akhir telah berlangsung secara fizikal pada 15 dan 16 Mei 2024. Juara pertandingan debat membawa pulang geran aktiviti Sekretariat Rukun Negara (SRN) bernilai RM10,000, wang tunai berjumlah RM10,000, trofi, sijil dan buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

PROGRAM PENDIDIKAN KESELAMATAN KEJIRANAN DAN JOM RONDA SRS BERSEPADU PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Skim Rondaan Sukarela (SRS) merupakan salah satu fungsi Rukun Tetangga yang diperuntukkan di bawah Seksyen 8 Akta Rukun Tetangga 2012, iaitu pengendalian aspek keselamatan dan perlindungan diri pemastautin serta pencegahan jenayah. Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara pada 19 Julai 2024 bertempat di KRT P14H, Presint 14, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Program dengan penglibatan agensi strategik seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaaan (AADK) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dimulakan dengan Taklimat Pendidikan Keselamatan Kejiranan oleh Ketua Polis Wilayah Persekutuan Putrajaya. Objektif utama program adalah untuk memberi kesedaran dan kefahaman tentang keselamatan kawasan kejiranan, dan menghindari penyalahgunaan kuasa dalam pelaksanaan Skim Rondaan Sukarela (SRS).

PODCAST BICARA HARMONI

PODCAST BICARA HARMONI ini adalah satu wawancara berkonsepkan rakaman digital audio dan video yang disiarkan di media sosial. Program Podcast ini dikategorikan di bawah Kluster Semarak Perpaduan iaitu program flagship di bawah Kembara Perpaduan dan salah satu daripada program dalam Inisiatif Harmoni MADANI. Podcast ini adalah salah satu program intervensi sosial bagi meningkatkan interaksi antara masyarakat berbilang kaum dan agama, mengukuhkan sikap saling memahami, hormat-menghormati dan menerima kepelbagaian serta perbezaan ini sebagai satu kekuatan rakyat Malaysia.

Podcast ini menampilkan hos dan panel jemputan berlainan agama serta kaum yang terdiri daripada wakil persatuan belia pelbagai agama, golongan profesional seperti peguam, doktor, ahli akademik, artis dan pempengaruh media sosial. Topik-topik yang dibincangkan mengikut perspektif budaya, adat dan tradisi masing-masing. Antara topik yang dibincangkan seperti Kasih Sayang Antara Penganut Agama, Nilai Dalam Memupuk Perpaduan Dan Keharmonian, Keunikan Dan Kepelbagaian Makanan, Pakaian Dan Cabaran Gaya Hidup Moden dan Adat Tradisi Sebagai Jati Diri Rakyat Malaysia.

DOKUMENTARI JEJAK HARMONI

Dokumentari Jejak Harmoni Tahun 2024 ini berkonsepkan penggambaran yang menjejaki kisah-kisah harmoni rakyat Malaysia. Objektif utama program ini adalah untuk menyebarluaskan prinsip faham, hormat dan terima dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya. Dokumentari Jejak Harmoni bermula pada 27 April 2024 di Brickfields, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sempena Pelancaran Inisiatif Harmoni MADANI: Jejak Harmoni Perdana yang dilancarkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan penggambaran diteruskan di 5 lokasi lain iaitu Seberang Jaya, Pulau Pinang, Kota Kinabalu Sabah, Miri Sarawak, Dungun dan Kuala Terengganu Terengganu dan Johor Bahru, Johor.

Antara kisah harmoni dalam masyarakat yang dijejaki adalah seperti rumah ibadat pelbagai agama yang berdekatan yang melaksanakan aktiviti kebajikan bersama-sama seperti di Seberang Jaya Pulau Pinang, Perkongsian tempat letak kereta oleh penganut-penganut agama semasa menghadiri solat jumaat atau aktiviti keagamaan di rumah ibadat masing-masing di Brickfields Kuala Lumpur dan Bukit Lutong Miri Sarawak.

PAMERAN RUMAH KAMI SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN KEBANGSAAN TAHUN 2024

Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan telah diadakan selama empat (4) hari bermula pada 23 hingga 26 Mei 2024 di Angsana Johor Bahru Mall, Johor. Salah satu pengisian utama adalah Pameran Rumah KAMI melibatkan 23 etnik mewakili pelbagai etnik di Malaysia. Pameran ini diselaraskan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sebagai satu wadah perpaduan dan tapak integrasi yang berlandaskan pendekatan terpilih serta berkesan sehingga ke peringkat akar umbi untuk memperkukuh sekali gus mengeratkan hubungan masyarakat dalam usaha memelihara ekosistem perpaduan.

SESI LIBAT URUS MEDIATOR KOMUNITI BERSAMA AGENSI (MK OPEN DAY)

Program Sesi Libat Urus Mediator Komuniti bersama Agensi (MK Open Day) telah diadakan bermula pada 17 Julai 2024 sehingga 31 Oktober 2024 di seluruh Negeri. Pelaksanaan program ini adalah hasil daripada mesyuarat YB Menteri Perpaduan Negara Bersama EXCO-EXCO Perpaduan Negeri yang mengesyorkan agar dilaksanakan satu perjumpaan antara Mediator Komuniti (MK) bersama YB EXCO Perpaduan Negeri supaya peranan dan fungsi Mediator Komuniti dapat diperluaskan dalam mengurus konflik di peringkat komuniti.

Program sesi libat urus ini menjadi platform yang terbaik untuk memperkasa dan mempromosikan perkhidmatan mediasi komuniti di peringkat komuniti dengan lebih berkesan melalui kerjasama strategik rentas agensi. Program ini dianggarkan seramai 1000 orang peserta yang terlibat dalam pelaksanaan di seluruh negeri yang melibatkan penyertaan dari Pejabat EXCO Perpaduan Negeri, Pegawai- Pegawai Perpaduan Negeri dan Daerah, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Agama Islam, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Mediator Komuniti.

WORKSHOP PHASE 1:

ESTABLISHING SARBICA'S EXPERT GROUPS

Arkib Negara Malaysia telah bekerjasama dengan *Southeast Asia Regional Branch of the International Council on Archives (SARBICA)* bagi menganjurkan bengkel *Workshop Phase 1: Establishing SARBICA's Expert Groups* yang telah dihadiri oleh seramai 24 peserta daripada negara anggota SARBICA, iaitu Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, Malaysia, Filipina dan Singapura. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Profesor Kelly Spring yang merupakan *Head of Manuscripts & Digital Curation di East Carolina University, Amerika Syarikat merangkap Co-Chair, International Council on Archives (ICA) Expert Group of Managing Digital and Physical Records.*

Objektif bengkel ini yang diadakan pada 9 - 10 Julai 2024 di Hotel Everly, Putrajaya adalah untuk mengumpulkan wakil daripada negara anggota SARBICA bagi tujuan pembangunan *Terms of Reference (TOR)* untuk *Expert Groups SARBICA.* Bengkel ini merupakan salah satu projek yang mendapat tajaan di bawah *Programme Commission (PCOM)*, ICA bagi tahun 2024.

SEMINAR ANTARABANGSA

"DIGITAL RECORDS AND LEGAL ADMISSIBILITY"

Arkib Negara Malaysia sentiasa menekankan tentang kepentingan tatakelola pentadbiran yang baik *(good governance)* **bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan berada pada tahap yang memenuhi keperluan masyarakat. Bersempena dengan Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa, ANM telah menganjurkan Seminar Antarabangsa** *Digital Records and Legal Admissibility* **pada 10 dan 11 Julai 2024 bertempat di Hotel Everly Putrajaya dan dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.**

Penganjuran seminar antarabangsa ini adalah bagi mengenalpasti kesan transformasi digital terhadap pengurusan rekod, cabaran dan cadangan penyelesaian bagi penerimaan rekod digital sebagai bukti perundangan, berkongsi amalan terbaik dan kejayaan dalam pelaksanaan, pemeliharaan dan akses kepada rekod digital, meneroka kepentingan teknologi memuncul untuk meningkatkan integriti dan kesahihan rekod digital, menjalinkan kerjasama dengan pengamal undang-undang, pemain industri teknologi, arkivis dan pembuat dasar dalam dan luar negara dan memberi pengetahuan serta kemahiran kepada peserta melalui sesi pembentangan dan sesi soal jawab.

PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN YANG TERAMAT MULIA TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ

"NEGARAWAN SEJUTA JASA"

Sempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia Tahun 2024 (HKHM 2024), Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan Program Mengenang Negarawan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dengan tema "Negarawan Sejuta Jasa" bertempat di Piazza, Pavilion Bukit Jalil pada 5 Ogos 2024. Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri mewakili YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri.

Program ini juga selaras dengan usaha Arkib Negara Malaysia bagi menyebarluaskan maklumat sejarah dan legasi ketokohan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai apresiasi terhadap pengorbanan, jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh beliau ketika era pentadbirannya seawal tahun 1940an – 1970an. YTM Tunku telah banyak memberi sumbangan dalam memperjuangkan kemerdekaan pembentukan Malaysia serta membangunkan ekonomi negara bagi membentuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang agama dan bangsa.

MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA SESI KE-51

"KEPENTINGAN SUMBER DALAM PENGKAJIAN SEJARAH"

Majlis Polemik Sejarah Malaysia bagi Sesi Ke-51 dengan tema "Kepentingan Sumber Dalam Pengkajian Sejarah" telah diadakan di Auditorium Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audiovisual, Arkib Negara Malaysia pada 15 Ogos 2024. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Haji Mohd Dom, Pengerusi Lembaga Penasihat, Arkib Negara Malaysia.

Majlis Polemik Sejarah Malaysia Ke-51 ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada umum mengenai peri pentingnya sumber yang tepat dan betul melalui perbincangan, dapatan dan pengkajian baharu mengenai isu penyalahan tafsiran sejarah negara akibat dari salah guna sumber kajian. Di samping dapat melengkapkan maklumat dan bahan-bahan kajian untuk kepentingan sejarah negara serta menggalakkan masyarakat menggunakan bahan-bahan asal terutamanya bahan-bahan arkib, yang mengandungi fakta-fakta sejarah dalam kajian dan penyelidikan.

KONVENSYEN SEJARAH DAN PERPADUAN NASIONAL (KSPN) 2024

"MENELUSURI SEJARAH: MEMBINA PERPADUAN NEGARA BANGSA"

Arkib Negara Malaysia telah berjaya menganjurkan Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional (KSPN) 2024 di DoubleTree by Hilton, Shah Alam I-City, Selangor pada 19 hingga 20 September 2024. Konvensyen ini dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri I, dengan ucapan aluan disampaikan oleh YB Datuk Aaron Ago Anak Dagang, Menteri Perpaduan Negara. Bertemakan "Menelusuri Sejarah: Membina Perpaduan Negara Bangsa," konvensyen ini memberi penekanan kepada penerapan elemen sejarah dalam perancangan pembangunan negara untuk membentuk rakyat Malaysia yang bersatu dan progresif tanpa mengira latar belakang.

KSPN berlangsung selama dua hari, dengan empat tema utama: Persekutuan, Ekonomi, Kemasyarakatan, dan Pembinaan Negara. Setiap tema dibentangkan oleh tokoh utama negara, yang diikuti sesi forum dengan panel-panel berpengalaman. Sesi ini melibatkan 21 tokoh termasuk pembentang, panel, dan moderator.

PROGRAM BICARA BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI

"MEH LER BELAJAU LOGHAT MELAKE"

Arkib Negara Malaysia telah mengadakan Program Kolokial Bahasa *"Meh Ler Belajau Loghat Melake"* pada 1 Oktober 2024 di Dewan Perzim Melaka yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. Program ini melestarikan keberdayaan bahasa komuniti yang ada di dalam negara ini di mana setiap negeri mempunyai bahasa komunitinya yang tersendiri.

Objektif program ini diadakan adalah untuk mendokumentasikan penggunaan Bahasa Kolokial dalam kehidupan seharian masyarakat berbilang kaum dan etnik di negara ini. Ianya juga bagi menambah sumber rujukan dan penyelidikan bahasa kolokial dalam kalangan generasi kini dan akan datang.

LAWATAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA KE MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK

Memorial Tun Abdul Razak (MTAR) telah menerima kunjungan YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara. Bangunan Memorial Tun Abdul Razak merupakan bekas kediaman rasmi Perdana Menteri Malaysia yang ke-2 iaitu Tun Abdul Razak bersama keluarganya.

MTAR yang memulakan operasinya pada tahun 1982 merupakan memorial pertama yang diletakkan di bawah kelolaan Arkib Negara Malaysia. MTAR banyak menyimpan dan juga mempamerkan fail, gambar, serta artifak yang dimiliki oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

SAMBUTAN HARI WARISAN AUDIOVISUAL SEDUNIA 2024

Selari dengan aspirasi program "Ini Warisan Kita" di bawah inisiatif Kementerian Perpaduan Negara, Sambutan Hari Warisan Audiovisual Sedunia 2024 adalah manifestasi usaha untuk melestarikan perpaduan dan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum terhadap koleksi audiovisual sebagai khazanah warisan negara. Rangkuman koleksi warisan seperti kesenian, bahasa dan tradisi kaum di Malaysia dapat membantu memupuk semangat jati diri dan semangat cintakan negara yang perlu disemai sejak dari kanak-kanak tanpa mengira etnik, agama dan budaya.

Pelaksanaan program adalah berkisar kepada menyokong penghasilan lebih banyak karya AV di Malaysia yang berteraskan nilai kenegaraan dan seterusnya dipelihara secara kekal *(long term preservation)* oleh ANM bagi menyebar luas kepentingan koleksi bahan AV kepada masyarakat umum dalam mewujudkan apresiasi dan rasa inklusif seluruh masyarakat.

Majlis yang bertemakan *"Your Window to The World"* telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud yang mewakili Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad.

SESI *WALKABOUT* PAMERAN NINGYO: ART AND BEAUTY OF JAPANESE DOLL

DAN PELEPASAN KONTINJEN JMM SEMPENA FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2024

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menghadiri sesi *walkabout* Pameran *"NINGYŌ: Art and Beauty of Japanese Dolls"* anjuran Muzium Negara, Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama *The Japan Foundation* Kuala Lumpur yang telah berlangsung pada 7 Mei hingga 8 Julai 2024 bertempat di Dewan Tengah, Muzium Negara.

Pameran ini adalah salah satu jaringan kerjasama dalam pengukuhan hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara Malaysia-Jepun yang telah mencapai usia 67 tahun pada tahun ini. Perkongsian strategik komprehensif ini turut membuka lebih banyak peluang kerjasama dalam pelbagai bidang yang melibatkan ekonomi, keselamatan dan keamanan, sains, teknologi, inovasi dan persekitaran serta kemasyarakatan dan pertukaran budaya. Pameran ini merupakan satu langkah proaktif dan kolaboratif strategik JMM bersama *Japan Foundation*.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA SEJARAH KEDAH TUA BERDASARKAN CATATAN YI JING

Persidangan Antarabangsa Sejarah Kedah Tua Berdasarkan Catatan Yi Jing telah diadakan pada 11 Julai 2024 yang lalu sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik China-Malaysia yang ke-50 pada tahun ini di M Resort & Hotel, Kuala Lumpur. Persidangan ini merupakan anjuran Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia, Jabatan Warisan Negara, Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Universiti Sains Malaysia Lembaga Muzium Negeri Kedah dan Persatuan Kebudayaan Han Malaysia.

Catatan Yi Jing merupakan rujukan utama dalam kajian hubungan Tanah Melayu dan China pada abad ke-7 iaitu pada zaman Dinasti Tang (tahun 618 hingga 907). Ia ditulis oleh Yi Jing (sebelum ini diterjemah sebagai I-Ching atau I-Tsing) yang merupakan seorang sarjana dan pendeta China pertama yang menjejakkan kaki ke Tanah Melayu sebanyak dua kali menerusi pelayarannya ketika melalui gugusan Kepulauan Melayu (Nusantara) pada abad ke-7 Masihi.

MAJLIS PERASMIAN PAMERAN RAJA KITA SEMPENA PERTABALAN KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KE-17, SULTAN IBRAHIM

Sempena istiadat pertabalan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-17 Sultan Ibrahim, Jabatan Muzium Malaysia telah menganjurkan Pameran Raja Kita yang berlangsung selama dua bulan bermula 26 Julai 2024 hingga 29 September 2024 bertempat di galeri 1 dan 2, Jabatan Muzium Malaysia.

Pameran Khas ini dirasmikan oleh YB. Tuan Mohd. Fahmi bin Fadzil, Menteri Komunikasi merangkap Pengerusi Jawatankuasa Khas Acara-Acara sempena Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-17 pada 25 Julai 2024 yang lalu.

Pameran Raja Kita pada kali ini menghimpunkan sebanyak 272 koleksi berkaitan regalia diraja dan pakaian istiadat yang merujuk pada institusi Yang di-Pertuan Agong seperti Muskat, Tengkolok Diraja, Pending Diraja, Gendik Diraja, Kalung Diraja, Keris Pendek Diraja, Keris Panjang Diraja, Cogan Alam dan Cogan Agama, Cokmar serta Payung Ubur-Ubur Kuning dan Tombak Berambu serta sisi peribadi Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong di samping koleksi daripada Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja serta dokumen perjanjian dan manuskrip undang-undang. Sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Konsep Raja Berperlembagaan yang mempunyai kuasa, fungsi dan ciri-ciri istimewa yang tersendiri turut dipamerkan dalam pameran ini.

PROGRAM CITRA NUSA @ INDONESIA:

KITA SERUMPUN

Majlis Perasmian Program Citra Nusa @ Indonesia: Kita Serumpun yang berlangsung bermula 3 hingga 31 Ogos 2024 ini melibatkan kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia dan Muzium Kebangkitan Nasional, Jakarta, telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara. Program ini adalah salah satu platform bagi pertukaran dan perkongsian mengenai budaya dua negara dan merupakan usaha penting dalam memastikan keakraban negara serumpun dapat diperkukuhkan.

Selain bertujuan mengeratkan hubungan persahabatan antara dua negara serumpun yang berkongsi begitu banyak persamaan dari sudut bahasa, budaya, adat resam dan ketamadunan, penganjuran program ini juga adalah langkah untuk menarik semula minat masyarakat terhadap warisan ketara dan tidak ketara khususnya dalam kalangan generasi muda menerusi keunikan silang budaya antara kedua-dua negara.

PROGRAM PERDANA BERMALAM DI MUZIUM 2024

Program Bermalam di Muzium mula dilaksanakan pada tahun 2005 di Muzium Negara bersempena sambutan bulan kemerdekaan. Pelbagai kejayaan telah dilakar sepanjang penganjuran program ini antaranya rekod *Malaysia Book of Records* bagi kategori *'Most Number of Participants Overnight Simultaneously for an Educational Programme at the Museum'*. Pada tahun 2024, satu lagi rekod telah berjaya dilaksanakan melalui aktiviti *'Largest Participation in Patriotic Themed Poster Making'* yang disertai oleh 2903 orang pelajar dan fasilitator.

Sebanyak 32 buah muzium telah menyertai program ini merangkumi muzium persekutuan, muzium negeri dan muzium institusi. Peserta yang terpilih adalah daripada usia 13-17 tahun daripada pelbagai latar belakang dan sekolah yang berbeza-beza. Antara aktiviti yang dilaksanakan selain daripada poster patriotik ialah aktiviti ikhtiar hidup. Melalui aktiviti ini, setiap kumpulan yang disertai oleh pelajar dan fasilitator akan diberikan barang keperluan harian untuk membakar ikan seperti jaring, batu bata, arang, pisau, kunyit serta ikan dan diberikan masa satu jam untuk memasak.

PROGRAM SEMARAK @MUZIUM MATANG

Muzium Matang telah menganjurkan program Semarak@Muzium Matang pada 14 dan 15 September 2024. Program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Kamarul Baharin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia. Program kemasyarakatan yang berkonsepkan muzium bersama komuniti menjadi platform strategik dan usaha progresif pihak jabatan dalam mengangkat dan memartabat pelbagai warisan tradisi, seni, budaya, serta sejarah negara khususnya di Matang, yang diangkat sebagai zon eko pelancongan di negeri Perak.

Semarak@Muzium dengan tema dan *tagline "Moh Nyongket Ke Muzium"* ini merangkumi aktiviti keragaman budaya yang menonjolkan seni budaya dan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik dengan mensasarkan penglibatan pelbagai kaum dari semua peringkat usia dan lapisan masyarakat termasuk kanak-kanak.

FORUM KURATOR PERDANA 2024: "MUZIUM MERENTASI LORONG WAKTU: PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN MELALUI INOVASI"

Jabatan Muzium Malaysia telah menganjurkan Forum Kurator Perdana 2024: "Muzium Merentasi Lorong Waktu: Pendidikan Dan Penyelidikan Melalui Inovasi" pada 26 September 2024. Forum ini merupakan salah satu platform kepada golongan profesional muzium untuk berkongsi pengetahuan dan hasil penyelidikan dalam bidang sejarah, budaya, warisan serta alam semula jadi negara. Forum ini dikendalikan oleh moderator yang sangat berpengalaman iaitu Dr. Rajabi binti Abdul Razak serta menampilkan tiga orang pembentang iaitu Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zin, Ts. Dr. Hafizah binti Rosli dan Puan Noreen binti Zulkepli.

PROGRAM BICARA@MUZIUM: MELAYU JATI, MELAYU DAGANG DAN MELAYU PERANAKAN

Program Bicara@Muzium: Melayu Jati, Melayu Dagang dan Melayu Peranakan anjuran Muzium Etnologi Dunia Melayu telah berlangsung di Auditorium, Jabatan Muzium Malaysia pada 23 Oktober 2024. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), Jabatan Muzium Malaysia.

Bicara@Muzium ini menampilkan dua panel jemputan iaitu YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali, Universiti Malaya dan Dr. Azharuddin bin Mohamed Dali, Universiti Malaya serta moderator program iaitu Puan Hajah Nor Hanisah binti Ahmad, Timbalan Pengarah Muzium Negara.

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM CITRA NUSA@MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG DAN PAMERAN GALERI SEJARAH ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman, perkenan berangkat merasmikan Program Citra Nusa, Muzium Arkeologi Lembah Bujang dan Pameran Arkeologi Lembah Bujang. Majlis perasmian ini diadakan dalam usaha mengangkat dan memartabatkan seni budaya dan warisan sejarah.

Pameran ini menggabungkan pelbagai medium dan bentuk pameran, termasuk susun atur peti pameran, pencahayaan, serta elemen-elemen interaktif yang terkini. Pendekatan ini telah berjaya menghidupkan semula suasana zaman kegemilangan Tamadun Kedah Tua, membolehkan para pengunjung merasai pengalaman serta memahami keagungan sejarah Kedah Tua dengan lebih mendalam.

PROGRAM SEMARAK PERPADUAN #KOMUNITIORANGASLI @SG.ODAK

Program yang telah berlangsung pada 4 hingga 5 Mei 2024 di Perpustakaan Desa Kampung Sungai Odak, Tapah, Perak ini bertujuan untuk menyemarakkan budaya membaca kepada golongan khas serta ingin mendekatkan komuniti Orang Asli Suku Kaum Semai kepada bahan bacaan di perpustakaan dan memberi kesedaran mengenai kepentingan ilmu serta menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat.

YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah menyantuni seramai 400 orang pengunjung dalam kalangan Orang Asli setempat dan bersama-sama menyertai pelbagai aktiviti menarik yang telah dijalankan, iaitu Pertandingan Bei Bersama Kami, Adeh Cerita Eng, Aktiviti Bina Kata Bersama Warga Emas, Aktiviti Bei Bacak Aderas! dan pelbagai aktiviti didik hibur yang menarik serta interaktif untuk komuniti Orang Asli.

PERTANDINGAN MEMBACA NYARING (PRA SEKOLAH): CERITA-CERITA DONGENG RAKYAT – LAGENDA DAN DONGENG

Pertandingan Membaca Nyaring 2024 telah diadakan pada 8 Jun 2024 merupakan salah satu program galakan membaca PNM yang julung kalinya diadakan pada tahun ini. Pertandingan yang berkonsepkan membaca bahan bacaan secara kuat ini merupakan platform untuk murid-murid pra sekolah yang berbakat untuk mempamerkan kemahiran membaca, ekspresi vokal, dan penghayatan yang mendalam dalam budaya membaca. Selain itu, pertandingan ini juga dapat menyemai semangat perpaduan dalam kalangan peserta yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Penganjuran program sebegini dapat mempertingkatkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat selain menyemai semangat perpaduan dan kekitaan menerusi pembacaan.

PROGRAM DARIKU UNTUKMU DAN MAJLIS PELANCARAN BANK BUKU DAN SUMBANGAN BUKU KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL DI LEMBAH KLANG

YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Bank Buku dan Sumbangan Buku kepada Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Lembah Klang yang melibatkan 11 buah sekolah dari Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 17 Julai 2024 di Kedah.

Bank Buku diwujudkan di semua Perpustakaan Awam Negeri bagi memudahkan orang ramai menyerahkan sumbangan di lokasi yang berdekatan. Inisiatif ini dapat meningkatkan koleksi bahan bacaan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di seluruh negara dan dapat meningkatkan kesedaran serta minat membaca dalam kalangan masyarakat tempatan terutamanya kepada generasi muda.

PROGRAM SEMARAK JAWI 2024 DAN KEM BESTARI JAWI

Program Semarak Jawi 2024 diadakan pada 14 Ogos 2024 bersempena Sambutan Hari Kaligrafi Perpaduan Nasional yang diadakan bersempena Hari Kaligrafi Sedunia. Program yang berlangsung selama dua (2) hari mulai 13 hingga 14 Ogos 2024 di Dewan Nik Mohd. Mohyideen Musa, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Bangi.

Program ini bermatlamat untuk memartabatkan dan melestarikan penggunaan tulisan Jawi di Malaysia serta mendedahkan masyarakat dengan inovasi pembelajaran dan pengajaran tulisan Jawi. Ianya juga untuk memperkenalkan dan mempromosikan pelbagai gaya serta kaedah penulisan kaligrafi pelbagai kaum di Malaysia.

KEMBARA ILMU INI KHAZANAH KITA

Majlis Pelancaran Kembara Ilmu Ini Khazanah Kita di Stesen Keretapi Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Sabah, Majlis Perasmian Program Etie Adat Tokou di Perpustakaan Desa Kampung Rancangan Klias, Beaufort Sabah dan Majlis Penutupan Program Kembara Ilmu Ini Khazanah Kita di Perpustakaan Negeri Sabah telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara pada 24 Ogos 2024.

Program anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Perpustakaan Negeri Sabah, Jabatan Keretapi Negeri Sabah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) dan Sutera Harbour Resort adalah bertujuan untuk menggalakkan minat membaca dalam komuniti setempat serta mempromosikan program galakan membaca dengan pelbagai platform untuk masyarakat di Sabah.

Pameran digital yang diadakan di dalam kereta api telah mencatatkan rekod dalam *Malaysia Book of Record* (MBOR) dengan tajuk *"First Digital Library Exhibition Aboard A Train"*. PNM telah mengangkat kandungan pameran manuskrip Melayu, u-Pustaka, bahan-bahan terbitan PNS berkaitan kemerdekaan dan sejarah serta warisan budaya di Sabah.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA MANUSKRIP MELAYU (PAMM 2024): KITAB TIB – 1001 RAHSIA ILMU PERUBATAN

YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara mewakili YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu (PAMM 2024): Kitab Tib – 1001 Rahsia Ilmu Perubatan diadakan di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Persidangan selama dua (2) hari ini dilaksanakan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Pertubuhan Penyelidikan Manuskrip Melayu (PERDIMAN) dan Grup Penjejak Tamadun Dunia (GPTD) adalah bertujuan untuk menggalakkan masyarakat menghargai manuskrip Melayu sebagai manifestasi kearifan ilmuwan bangsa dan memberi pendedahan kepada masyarakat kepentingan manuskrip Melayu.

KARNIVAL BACA PERDANA 2024

YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara mewakili YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Perasmian Karnival Baca Perdana 2024 pada 4 Oktober 2024 di Pusat Beli-Belah MyTown, Kuala Lumpur.

Karnival yang julung kali diadakan ini bertujuan untuk mempromosikan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia dan menyatukan komuniti Malaysia dalam sebuah karnival yang bukan sahaja berfokus pada pembudayaan membaca tetapi juga mengandungi elemen perpaduan dan semangat komuniti. Tema "Perpaduan dalam Pembacaan" dipilih untuk karnival ini di mana buku dan bahan bacaan menjadi jambatan yang menghubungkan individu, memupuk perpaduan dan toleransi dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

SANGGAR PUISI PERPADUAN 2024: PERPADUAN DIRAI, BAHASA DISANTUNI

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Perasmian Sanggar Puisi Perpaduan 2024: Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Program anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia ini bertujuan untuk menyemarak dan membugarkan budaya membaca menerusi wahana sastera dan budaya, di mana genre puisi dipilih kerana ia merupakan wadah bagi pembentukan identiti, budaya dan jati diri bagi sesuatu bangsa.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) YAYASAN SUKARELAWAN SISWA YANG KE-12

Mesyuarat Agung Tahunan YSS kali ke-12 telah berlangsung pada 9 Mei 2024 dan telah dipengerusikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara. Turut hadir adalah ahli YSS iaitu YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KPN dan YBhg. Dato' Hj. Che Roslan bin Che Daud, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

YB Menteri Perpaduan Negara merangkap Penaung YSS menyatakan bahawa Kementerian komited untuk menjadikan Malaysia sebagai Hub Kesukarelawanan. Inisiatif ini termasuk pelaksanaan tujuh misi sukarelawan siswa dalam dan luar negara, pelantikan Duta Perpaduan dan Ikon Perpaduan, serta pembangunan Dasar Kesukarelawan Nasional dan berharap agar YSS akan terus berusaha menyemarakkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa selaras dengan slogan "Perpaduan melalui Sukarelawan".

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM USAHA JAYA INSAN (PUJI) WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Majlis Perasmian Program Usaha Jaya Insan (PUJI) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dirasmikan oleh YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) pada 30 Jun 2024 di Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur. Yayasan Sukarelawan Siswa dilantik untuk menguruskan program dari proses profiling hingga bimbingan nasihat serta motivasi.

Seramai 105 orang Ketua Isi Rumah telah terpilih untuk menyertai modul latihan yang bersesuaian untuk meningkatkan pendapatan mereka. 6 Modul latihan tersebut adalah, Asas Makanan dan Hidangan Utama, Dandanan Rambut, Asuhan Kanak-kanak, Asas Pendawaian, Jahitan Pakaian dan Seni Kreatif.

MISI PASCA BANJIR YSS KE DAERAH PENAMPANG DAN SEPANGGAR SABAH

Yayasan Sukarelawan Siswa telah mengagihkan sebanyak 500 pek makanan asas kepada penduduk kampung yang terjejas akibat bencana banjir di daerah Penampang dan Sepanggar, Sabah pada 4 hingga 7 Julai 2024.

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PEMULIHARAAN BIODIVERSITI (AFFORESTATION) AEON CREDIT

Program yang dilaksanakan AEON Credit ini mensasarkan penanaman semula 10,000 pokok hutan spesies tempatan, spesies dari Senarai Merah Kesatuan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam SemulaJadi (IUCN) dan spesies pokok buah-buahan di kawasan taman seluas lebih 20 hektar menjelang September tahun ini. Usaha yang dilakukan ini bukan sahaja membantu memulihara hutan dan mengekalkan kehijauan bumi, tetapi juga menjaga habitat hidupan yang mendiami kawasan ini.

YSS telah dijemput untuk menyertai Majlis Pelancaran Program Pemuliharaan Biodiversiti (Afforestation) anjuran AEON Credit. Majlis Pelancaran ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak pada 11 Mei 2024. Sebanyak 10,000 pokok telah ditanam di Taman Alam Kinta Perak yang melibatkan 188 orang sukarelawan dari Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ipoh.

MISI SUKARELAWAN SISWA YSS *GREEN SUMMER VOLUNTEER CAMPAIGN* (GSVC) KE VIETNAM 2024

YSS telah menghantar seramai 50 orang sukarelawan siswa ke Vietnam yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan Institusi Pengajian Tinggi seluruh negara pada 4 Julai hingga 9 Ogos 2024. Mereka menjalankan kerja sukarelawan di 4 lokasi di Ho Chi Minh, Vietnam iaitu Thoi An Ward, District 12; Phuoc Loc Commune, Nha Be District; Tan Nhut Commune, Binh Chanh District; dan An Nhon Tay, Cu Chi District.

Green Summer Volunteer Campaign (GSVC) dianjurkan oleh Kesatuan Belia Ho Chi Minh Vietnam sejak 1994 dan melibatkan lebih daripada 100,000 orang belia dan sukarelawan universiti setiap tahun untuk menyertai program yang berteraskan kesukarelawan dan komuniti selama sebulan. GSVC adalah model inspirasi bagaimana kesukarelawanan dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan perpaduan sosial. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup penduduk tempatan tetapi juga memupuk perpaduan dan semangat kesukarelawanan di kalangan peserta.

INI WARISAN KITA: MISI SUKARELAWAN SISWA KE SABAH 2024

Seramai 100 orang pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) telah terpilih untuk menyertai 'Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah 2024'. Majlis *flag off* misi ini telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Haji Mahiruddin dan dihadiri oleh Timbalan Menteri Perpaduan Negara, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami di Dewan Bankuasi, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Misi Sukarelawan ke Sabah pada tahun ini bermula sejak 1 sehingga 18 September 2024. Sukarelawan dihantar ke enam (6) daerah berasingan iaitu Daerah Penampang, Daerah Kudat, Daerah Kota Belud, Daerah Beaufort, Daerah Papar dan Daerah Kota Kinabalu. Selama tempoh tersebut, YSS telah melatih 608 orang sukarelawan menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman di mana sukarelawan hidup, tidur dan makan bersama komuniti tempatan.

EMPOWERING UNIVERSITY STUDENTS IN SCIENCE, TECHNOLOGY, ENGINEERING AND MATHEMATIC (STEM) AND SUSTAINABILITY

Program yang disempurnakan oleh Christophe Virondaud, Pengarah Urusan Asia Pasifik Technip Energies dan Dr. Wan Ahmad Hazman bin Wan Daud, Timbalan Pengerusi II merangkap Pengarah Eksekutif, Yayasan Sukarelawan Siswa bertempat di The Everly Putrajaya telah menghimpunkan lebih 200 pelajar universiti daripada lapan buah universiti tempatan termasuk Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan Universiti Tenaga Nasional.

Program ini menggabungkan elemen akademik dan praktikal industri, program tanggungjawab sosial korporat ini menghubungkan entiti korporat, kerajaan dan badan bukan kerajaan bersama mahasiswa bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan peralihan dan juga usaha kemampanan.

PROGRAM *AEON CREDIT SERVICE NATIONWIDE ANNUAL COASTAL CLEAN UP*

Pihak AEON Credit Service (M) Berhad dengan sokongan (YSS) telah mengadakan Program *AEON Credit Service Nationwide Annual Coastal Clean Up* pada 19 dan 26 Oktober 2024 di tiga buah lokasi iaitu Pantai Santubong, Sarawak, Pantai Bersih, Pulau Pinang dan Pantai Tanjung Balau, Johor.

YSS dengan kerjasama pihak Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menggerakkan seramai 120 sukarelawan dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang dan Pasir Gudang untuk turut bersama-sama menjayakan program ini. Sebanyak 17 tan sampah berjaya dikutip, terutamanya plastik, dari kawasan pantai di seluruh negara.

LENSA
KPN
BULETIN UNITI SIRI 1

perpaduannegara

Kementerian Perpaduan Negara

PerpaduanNegara

PERPADUAN_NEGARA

PERPADUAN Negara

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5-10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,
62000 Wilayah Persekutuan
Putrajaya

Tel: +603-8091 8000
Emel: pro@perpaduan.gov.my